

12 APR 1999

Azhar-Kronologi

LANGKAWI, April 12 (Bernama) -- Berikut ialah kronologi percubaan pelayar Malaysia Azhar mansor untuk belayar mengelilingi dunia tanpa henti secara solo bagi mencatat dua rekod dunia:

- 2 Feb - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir melepaskan pelayaran Azhar di pusat peranginan Awana Porto Malai
- 4 Feb - berada di luar Sumatra selepas belayar sejauh 276 batu nautika
- 5 Feb - melakukan lencongan pertama, dari pantai barat Sumatra, menuju ke Australia
- 8 Feb - melepasi Khutulistiwa
- 9 Feb - mengalami gangguan pertama apabila satu daripada tiga layar besar terjatuh ke dalam laut dan terpaksa dilepaskan, telah belayar sejauh 1,006 batu nautika
- 11 Feb - menyambut hari ulangtahun ke-41 di lautan di luar Sumatra.
- 12 Feb - belayar di antara Pulau Christmas dan Pulau Cocos di lautan Hindi
- 13 Feb - cuaca ganas - tidak dapat menghantar laporan dengan e-mel - melepasi kedua-dua pulau menghampiri lencongan kedua ke Tanjung Leeuwin.
- 14 Feb - bosan di lautan, mendengar muzik, belayar sejauh 1,702 batu nautika
- 15 Feb - belayar sejauh 1,859 batu nautika, 1,300 batu nautika lagi ke Tanjung Leeuwin
- 16 Feb - mengesan panggilan kecemasan dari kapal layar South Pacific, belayar 1,992 batu nautika
- 17 Feb - memanjat tiang layar setinggi 64 kaki untuk memeriksa pengikat besi (shackle) yang pecah, belayar 2,140 batu nautika
- 18 Feb - belayar "zig zag" sepanjang pantai Australia Barat bagi mengelakkan arus yang menghala ke utara.
- 20 - bimbang dengan gunung di bawah laut, keadaan laut ganas di sebelah malam
- 25 Feb - dapat perhubungan radio dengan kapal yang menuju ke Australia, belayar sejauh 2,865 batu nautika
- 26 Feb - buat penyidai kain dalam Jalur Gemilang, belayar 3,097 batu nautika
- 3 Mac - melepasi Tanjung Leeuwin, memasuki Laut Selatan yang terkenal dengan geloranya
- 4 Mac - menghadapi angin kencang, belayar 4,019 batu nautika
- 5 Mac - laut bergelombang memaksa Azhar memandu dengan tangan
- 6 Mac - angin semakin kurang
- 7 Mac - 10 anak ikan paus sperma mengekori kapal, belayar 4,705 batu nautika
- 8 Mac - tiba di Australia Selatan
- 10 Mac - habiskan masa mencuci bot, kira-kira 1,000 batu nautika dari Pulau Snares
- 14 Mac - melepas Tanjung Selatan Tasmania, belayar 5,535 batu nautika
- 18 Mac - masalah bateri memaksa Azhar menjimatkan penggunaan tenaga, belayar 6,293 batu nautika.
- 19 Mac - melepasi Pulau Snares menuju ke Tanjung Tanduk
- 20 Mac - memasang alat pemanas kabin kerana suhu menurun, belayar 6,723 batu nautika
- 23 Mac - melepasi Garis Antarabangsa pada kira-kira pukul 2.30 pagi

waktu Malaysia

24 Mac - menamatkan satu pertiga daripada perjalanannya selepas belayar sejauh lebih dari 7,200 batu nautika

28 Mac - sambut Hari Raya Haji di tengah lautan

29 Mac - hilang jenerator angin

30 Mac - Jalur Gemilang hampir terbalik disebabkan angin kencang selaju 65 knot

6 April - bergantung kepada radar untuk melauai kabus tebal, belayar sejauh 9,622 batu nautika

7 April - berdoa supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad cepat sembuh, belayar 9,872bn

8 April - belayar 10,072bn

9 April - menghampiri Tanjung Tanduk

12 April - layar Jalur Gemilang patah tiga dihempap gelombang tinggi

-- BERNAMA

NH WAT